

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 JULAI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 30

ECERDC capai RM80 bilion pelaburan

ECERDC capai RM80 bilion pelaburan

Pelaburan lebih kepada pembangunan infrastruktur strategik dan taman perindustrian

Oleh NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) mencapai kira-kira RM80 bilion pelaburan setakat ini.

Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Datuk Baidzawi Che Mat berkata, jumlah itu berjaya direalisasikan selepas ECERDC mencatatkan pelaburan melebihi RM160 bilion merentasi pelbagai sektor sejak awal penubuhannya pada 2008.

Justeru, menurutnya, ECERDC kekal fokus dalam menarik pelaburan baharu ke Wilayah Ekonomi Pantai Timur

(ECER) dan di Pahang melalui forum perniagaan Invest@ECER sebagai salah satu usaha untuk mencapai sasaran ditetapkan.

"ECERDC akan menumpukan kepada pembangunan infrastruktur strategik dan taman perindustrian bertema yang telah memainkan peranan penting dalam menarik pelaburan ke wilayah ini.

"Malah ECERDC juga telah mencipta destinasi pelancongan mesti lawat yang bukan sahaja telah memacu pertumbuhan industri pelancongan di rantau ini, malah telah membawa limpahan manfaat kepada masyarakat dan usahawan tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap, pada Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-15 ECERDC dan Pelancaran Invest@ECER di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah (SASICC) di sini pada Selasa.

Majlis tersebut dirasmikan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Zulkifli Yaakob, Exco Pertanian, Industri



Baidzawi (dua dari kiri) mengiringi Wan Rosdy (tengah) ketika merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-15 ECERDC dan Pelancaran Invest@ECER di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah (SASICC) di Kuantan pada Selasa.

Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan negeri, Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak dan Exco Pelaburan, Pembangunan Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi negeri, Datuk Mohamad Nizar Mohamad Najib.

Baidzawi berkata, pelaburan itu mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan untuk rakyat Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Jelasnya, kejayaan itu hasil daripada kerjasama ECERDC dengan Kementerian Pelaburan, Perdagangan, dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

"Selain kemasukan pelaburan, Wilayah ECER menyaksikan pelaksanaan projek strategik berimpak tinggi seperti peluasan Pelabuhan Kuantan sebagai pelabuhan laut dalam; Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) dan Projek

Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang kini sedang dalam pembinaan," katanya.

Beliau menambah, Pahang kaya dengan kelebihan alam semula jadi menerusi dengan projek ekopelancongan, pembinaan resort bersepadu, taman tema dan pelancongan pantai yang berjaya dibangunkan.

"Banyak projek perniagaan tani ECERDC di Pahang yang paling berjaya iaitu Pusat Penyelidikan dan Inovasi Penternakan Muadzam Shah (MSCRIC) yang diuruskan oleh syarikat induk Farm Fresh Berhad, Ladang Nanas Bersepadu Rompin yang dikendalikan oleh Rompin Integrated Pineapple Industries Industri Nanas Bersepadu Rompin (RIPP), dan Taman Pemprosesan Ikan Bersepadu Kuantan (KIFPP) yang dioperasikan oleh PT Resources Holdings Bhd.

"Jadi, kini, ECERDC memberi tumpuan kepada usahawusaha menangani isu sekuriti makanan melalui inisiatif agro-food@ECER, bagi menggalakan pertanian berskala komersial," katanya.